

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**[ LANANG ]**  
**TARIKH : 25 OKTOBER 2017**  
**SOALAN : 16**

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan untuk menambah baik dan menaik taraf fasiliti atau kemudahan perkhidmatan kesihatan di Hospital Sibul dan klinik-klinik kesihatan di Sibul iaitu klinik kesihatan Oya, klinik kesihatan Lanang dan klinik kesihatan Sibul Jaya, dan sama ada Kerajaan bercadang untuk membina klinik kesihatan baru di Sibul.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman **Tuan Yang di-Pertua**, kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan keadaan fasiliti kesihatan di Sibul. Sehubungan itu, beberapa langkah telah diambil bagi menambah baik dan menaik taraf fasiliti atau kemudahan perkhidmatan kesihatan tersebut. Bagi Hospital Sibul, kerajaan telah menaiktaraf Jabatan Farmasi dengan

kemudahan bilik bersih (*TPN – Total Parental Nutrition dan CDR-Cytotoxic Drug Reconstitution*) dengan kos sebanyak RM7 juta. Di samping itu, KKM juga telah mendapat kelulusan bagi projek menaiktaraf **Unit Rawatan Rapi (ICU)** di Hospital Sibul. Projek sedang dalam peringkat akhir rekabentuk dan bakal ditender pada akhir tahun 2017.

Bagi perkhidmatan kesihatan pula, Bahagian Sibul, Sarawak dengan penduduk seramai **250,000** orang telahpun mempunyai **15 buah klinik** kesihatan, 1 Klinik Ibu dan Anak, 1 Klinik Desa dan 9 Klinik 1 Malaysia. Kementerian telah menambah perkhidmatan kesihatan di Sibul pada tahun 2016 iaitu dengan pembinaan **Klinik Kesihatan Jenis 3 Sibul Jaya**, K1M UTC Sibul dan K1M Rantau Panjang.

Bagi KK Oya dan KK Lanang, kerja-kerja naiktaraf klinik sediaada tidak dapat dilaksanakan memandangkan tapak klinik yang terhad (**1- 2 ekar**). Kerajaan masih dalam peringkat mengenalpasti tapak yang sesuai untuk pembinaan sebuah klinik yang baharu.

Pada tahun ini Kementerian akan membuka K1M Campus Park yang baru siap direnovasi dan telah diserahkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak pada 5 Oktober 2017 dan dijangka akan mula beroperasi sebelum akhir tahun 2017.